

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)
TARIKH : 17.5.2016
NO. SOALAN : 80

YB TUAN CHARLES SANTIAGO minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status rundingan FTA Malaysia, EU dan RCEP. Berapakah jumlah bab yang terlibat dalam perjanjian tersebut dan apakah bab yang masih belum dipersetujui.

JAWAPAN:

Malaysia EU

Tuan Yang Di Pertua,

1. Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia Kesatuan Eropah (Malaysia–European Union Free Trade Agreement (MEUFTA)) telah dimulakan pada Oktober 2012. Sehingga September 2012, sebanyak lapan pusingan rundingan telah diadakan di mana pusingan terakhir telah berlangsung pada 25 hingga 29 September 2012 di Kuala Lumpur.

2. Di penghujung pusingan tersebut, Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU) telah memutuskan untuk menghentikan rundingan buat sementara waktu, sehingga kedua-dua pihak mempunyai mandat untuk membincangkan isu-isu sukar seperti Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek, Persaingan (*Competition*) dan Pembangunan Mampan (*Sustainable Development*).

3. Sejak 2012 sehingga kini, beberapa mesyuarat tidak rasmi di peringkat Menteri dan pegawai telah diadakan dengan harapan kedua-dua pihak akan dapat mencari kompromi yang bersesuaian bagi menyambung semula dan memuktamadkan rundingan MEUFTA.

4. Sehingga tahun 2014, EU telah menawarkan layanan GSP atau *Generalised System of Preference* kepada Malaysia. Layanan GSP merupakan satu langkah unilateral yang diberikan oleh EU kepada negara-negara membangun, untuk membantu meningkatkan sistem perdagangan negara-negara tersebut.

5. Sepanjang Malaysia menerima layanan GSP, kebanyakan eksport Malaysia ke EU, termasuklah barangan makanan dan produk kimia, telah tertakluk kepada duti import yang lebih rendah (*preferential duty rates*). Namun, apabila Malaysia mencapai status negara membangun yang maju (*advanced developing economy*), EU telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan layanan GSP bagi Malaysia. Oleh yang demikian, sejak Januari 2014, semua produk eksport Malaysia ke EU tidak lagi menerima sebarang layanan duti khas, dan adalah tertakluk kepada duti import MFN.

6. Salah satu sebab utama Malaysia memulakan rundingan FTA dengan EU pada tahun 2010 adalah untuk memastikan produk eksport Malaysia akan terus menerima layanan duti khas, samada pada kadar GSP atau pun pada kadar yang lebih rendah, di pasaran EU. Ini adalah penting bagi memastikan produk eksport Malaysia sentiasa berdaya saing di pasaran EU.

7. Bab-bab yang dirundingkan di bawah MEUFTA adalah:

- i) Akses Pasaran bagi Sektor Barangan
- ii) Perkhidmatan
- iii) Pelaburan
- iv) Peraturan dan Prosedur Tempasal
- v) Pentadbiran Kastam dan Fasilitasi Perdagangan
- vi) Remedi Perdagangan
- vii) Sanitari dan Fitosanitari
- viii) Halangan Teknikal kepada Perdagangan
- ix) Perolehan Kerajaan
- x) Hak Harta Intelekt
- xi) Persaingan
- xii) Pembangunan Mampan (Buruh dan Alam Sekitar)
- xiii) Ketelusan (*Transparency*)
- xiv) Isu-isu Perundangan termasuk Penyelesaian Pertikaian
- xv) Isu-isu Institusi
- xvi) Lampiran-lampiran Sektoral bagi bidang-bidang berikut:
 - Teknologi yang diperbaharui
 - Farmaseutikal

- Automotif

8. Walaupun Malaysia dan EU belum memuktamadkan mana-mana bab di dalam rundingan MEUFTA, terdapat beberapa bab yang hampir muktamad, termasuklah:

- i) Peraturan dan Prosedur Tempasal
- ii) Pentadbiran Kastam dan Fasilitasi Perdagangan
- iii) Remedi Perdagangan
- iv) Sanitari dan Fitosanitari
- v) Halangan Teknikal kepada Perdagangan

9. Kebanyakan isu sukar di dalam MEUFTA adalah agak sama dengan isu-isu yang pernah dihadapi oleh Malaysia semasa rundingan TPP. Cabaran-cabaran yang dijangka akan dihadapi oleh Malaysia di dalam rundingan MEUFTA termasuklah Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek, Persaingan, dan Pembangunan Mampan.

10. FTA dengan EU adalah penting bagi mempertingkatkan eksport Malaysia ke satu pasaran yang agak luas. Buat masa ini, EU merupakan rakan perdagangan yang amat penting bagi Malaysia. EU merupakan rakan dagangan kedua terbesar Malaysia manakala Malaysia merupakan rakan-3 terbesar EU di luar Eropah. Di rantua ASEAN, EU telah memuktamadkan FTA dengan Singapura dan Viet Nam dan sedang merunding FTA dengan negara Indonesia, Thailand dan Filipina. Oleh yang demikian adalah penting bagi Malaysia untuk meneruskan rundingan dengan EU bagi memastikan kepentingan perdagangan Malaysia dilindungi serta pasaran exports terus dikekalkan.

11. Sehubungan itu, Malaysia dan Kesatuan Eropah akan mengadakan satu mesyuarat khas di Brussels pada 19 dan 20 Mei 2016, bagi membincangkan mekanisme yang bersesuaian bagi menyambung semula rundingan MEUFTA.

RCEP

12. Perjanjian Kerjasama Komprehensif Ekonomi Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership – RCEP*) masih sedang dalam proses rundingan dengan sasaran untuk memuktamadkan rundingan pada akhir tahun 2016.

13. Sebanyak 12 buah pusingan rundingan utama telah dijalankan setakat ini dan dijangka sebanyak 4 buah pusingan rundingan akan dijalankan sehingga akhir tahun 2016.

14. Pasa masa ini masih tiada sebarang bab yang telah dipersetujui di bawah RCEP. Dijangka satu bab iaitu berkenaan *Economic and Technical Assistance* berkemungkinan besar dapat dimuktamadkan menjelang pusingan rundingan RCEP ke-13 yang akan diadakan di Auckland, New Zealand dari 12 hingga 18 Jun 2016.

15. Skop rundingan RCEP yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

- (i) Perdagangan Barangan;
- (ii) Perdagangan Perkhidmatan;

- (iii) Pelaburan;
- (iv) Kerjasama Ekonomi dan Teknikal;
- (v) Harta Intelekt;
- (vi) Dasar Persaingan; dan
- (vii) Penyelesaian Pertikaian;
- (viii) Perdagangan Elektronik; dan
- (ix) Perusahaan Kecil dan Sederhana.

16. Berdasarkan skop tersebut, sebanyak 20 bab atau *Annex* yang secara tentatifnya akan dimuatkan ke dalam Perjanjian RCEP seperti berikut:

- (i) *Preamble*;
- (ii) *Establishment, Objectives and General Definitions*;
- (iii) *Trade in Goods*;
- (iv) *Rules of Origin*;
- (v) *Customs Procedures and Trade Facilitation*;
- (vi) *Sanitary and Phytosanitary*;
- (vii) *Standards, Technical Regulations and Conformity Assessment Procedures*;
- (viii) *Trade in Services*;
- (ix) *Financial Services*;
- (x) *Telecommunications Services*;
- (xi) *Electronic Commerce*;
- (xii) *Investment*;
- (xiii) *Economic and Technical Cooperation*;
- (xiv) *Small and Medium Enterprises*;
- (xv) *Intellectual Property*;

- (xvi) *Competition*;
- (xvii) *General Provisions and Exceptions*;
- (xviii) *Institutional Provisions*;
- (xix) *Dispute Settlement*; dan
- (xx) *Final Provisions*.

17. Terdapat juga desakan daripada negara-negara bukan ASEAN untuk merundingkan skop berkaitan Perolehan Kerajaan, Alam Sekitar dan Buruh. Namun begitu, skop-skop ini tidak mendapat persetujuan penuh negara-negara yang merundingkan RCEP. ASEAN termasuk Malaysia berpendapat bahawa fokus RCEP haruslah untuk memuktamadkan rundingan bagi skop-skop yang telah dipersetujui. Isu-isu lain boleh dipertimbangkan untuk dibincangkan setelah RCEP dimuktamadkan sewaktu semakan semula RCEP pada tempoh yang akan ditentukan kelak.

18. Komitmen-komitmen Malaysia di bawah RCEP ini dijangkakan untuk merangkumi penambahbaikan kepada komitmen di bawah FTA sedia ada ASEAN. Dalam rundingan ini, Kerajaan akan memastikan bahawa kepentingan-kepentingan negara akan sentiasa dipelihara. Dalam konteks ini Kerajaan secara berterusan akan mengadakan konsultasi berterusan dengan sektor swasta dan lain-lain *stakeholder* bagi mencapai tujuan tersebut.